



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 46

29 Ogos 2002

No. 18

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 TAHUN 1965)

No. 227.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKEUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi Geran Mukim No. GM 208, Mukim 3,
Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah didapati hilang
JADUAL
Mukim—Mukim 3; Lot—419; Jenis dan No. Hakmilik—GM 208.

Bertarikh 7 Ogos 2002.
[PTBD/P/46/Jld. 3(43)]

HAJI FADZIL BIN MUSTAFA,
b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Barat Daya
Pulau Pinang

No. 228.

(Seksyen 254)
NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Mary Gomes (K/P 7601292) beralamat di No. 39 Jalan Helang Jambu, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan meletak jawatan pada 4-6-1983 dan tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang telah ditetapkan dalam gadaian dari Disember 2001 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM128,626.20. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM181,027.10 iaitu baki sehingga bulan Disember 2001 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selam tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim 12, No. PTBP/PM 48/77; Jenis dan No. Hakmilik—HS(D) 1326/Mk. 12; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 2971/83, Folio 198, Jilid 262, Satu (1) Hakmilik Sahaja.

Bertarikh 28 Disember 2001.

[PP 18694/82/1.]

Ketua Penolong Setiausaha,
Bahagian Pinjaman Perumahan,
Perbadanan Malaysia
(Pegawai yang ditetapkan oleh
Menteri kewangan di bawah
Seksyen 5(1) Minister of Finance
(Incorporation) Ordinance 1957)

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

29 Ogos 2002]

407

No. 229.

PEMBETULAN

Berhubung dengan Pemberitahuan Bil. 168 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* keluaran 4 Julai 2002 pindaan dibuat kepada Jadual yang berkenaan.

Mansuh:

JADUAL

Daerah —Barat Daya; Mukim—E

No. Lot	Hakmilik atau Ukur	Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih Kurang	
				Luas Lot	Luas yang hendak Diambil
280	GM. 116		Bayah binti Raidin 3/6 dan Siti Asah binti Haji Salleh 3/6 bahagian	EKAR 1.628	EKAR 0.964

Gantikan:

JADUAL

Daerah —Barat Daya; Mukim—E

No. Lot	Hakmilik atau Ukur	Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih Kurang	
				Luas Lot	Luas yang hendak Diambil
280	GM. 116		Bayah binti Raidin 3/6, Fatimah binti Osman 1/6, Hassan bin Ramli 1/6 dan Milah binti Osman 1/6 bhg.	EKAR 1.628	EKAR 0.964

Bertarikh 12 Ogos 2002.

[PTG/PT/BD/215;PTBD/B/209.]

AHMAD PHEBAL BIN TALIB,
Pesuruhjaya

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA